

19 OCT 2001

MAHATHIR-DAYA SAING

BELANJAWAN 2002 SASAR JADIKAN SYARIKAT TEMPATAN LEBIH KOMPETITIF

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Belanjawan 2002, yang antara lainnya mencadangkan potongan bagi duti import untuk produk yang telah lama dilindungi, jelas memberi mesej kepada pelabur-pelabur untuk meningkatkan pelaburan mereka dan firma-firma dalam negeri mengukuhkan lagi kelebihan daya saing mereka dalam di peringkat global.

Dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini, kerajaan memutuskan bahawa duti import bagi 55 produk dikurangkan daripada antara 20 dan 105 peratus kepada antara 10 peratus dan 50 peratus.

Selain itu, duti import bagi 171 produk, termasuk barang perantara seperti projektor multimedia, mesin menjawab telefon, komponen perabot dan kertas fotografik akan dikurangkan daripada antara 5.0 peratus dan 35 peratus kepada antara kosong peratus dan 25 peratus.

Untuk menjimatkan kos menjalankan perniagaan oleh syarikat-syarikat perkapalan di Malaysia, Dr Mahathir mencadangkan pendapatan yang diterima oleh bukan-pemastautin daripada penyewaan kontena kepada syarikat perkapalan di Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Meskipun pelan induk kewangan bagi tahun depan menekankan kepada meningkatkan perbelanjaan penggunaan, syarikat-syarikat juga tidak dilupakan sama ada pihak yang melabur semula dalam projek pengembangan, automasi atau kepelbagaian akan mempunyai tempoh elaun pelaburan semula dilanjutkan daripada lima kepada 15 tahun.

Elaun membangunkan perindustrian tahunan yang diberikan untuk meluluskan pembinaan termasuk hotel akan dinaikkan kepada 3.0 peratus daripada 2.0 peratus di mana syarikat-syarikat boleh menuntut pengurangan nilai dalam tempoh yang pendek, contohnya daripada 45 tahun kepada 30 tahun.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat kecil dan sederhana, tulang belakang bagi menyokong pertumbuhan, perlu menyertai dalam rangkaian pengurusan rantai bekalan global bagi pemerolehan talian langsung dan tepat masa, pengeluaran dan pengurusan logistik.

Beliau mencadangkan geran RM5 juta bagi pembangunan RosettaNet, kod pesanan guna sama berasaskan Internet, untuk berhubung terus dengan pembekal global.

Bagi menggalakkan syarikat-syarikat multinasional, beliau mencadangkan perbelanjaan dalam menerajui program RosettaNet bagi faedah syarikat-syarikat kecil dan sederhana diberikan potongan cukai pendapatan.

Bagaimanapun, beliau berkata cukai korporat tidak akan dikurangkan kerana kadar itu masih kompetitif berbanding kebanyakan negara Asean.

Beliau berkata kadar cukai efektif adalah rendah sekiranya insentif cukai telahpun disediakan diambil kira.

Untuk mempercepatkan pemilikan teknologi terkini, Perdana Menteri juga mencadangkan potongan tahunan bagi perbelanjaan mendapatkan hak milik seperti paten, reka bentuk perindustrian dan tanda perdagangan akan dinaikkan kepada 20 peratus daripada 10 peratus bagi tempoh lima tahun.

Beliau juga mencadangkan perbelanjaan mana-mana pihak yang menyediakan latihan praktikal kepada individu yang bukan pekerja mereka diberikan potongan cukai pendapatan, satu langkah yang bertujuan mengukuhkan produktiviti dan daya saing.

Bagi membolehkan majikan mengupah pekerja mereka berdasarkan produktiviti, beliau mencadangkan sekatan kepada pembayaran bonus, satu

insentif kepada pekerja untuk meningkatkan produktiviti dan sehingga sekarang telah dihadkan kepada dua bulan gaji, akan dihapuskan.

Dalam usaha mengukuhkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kad pintar dan kelengkapan berkaitannya akan dikecualikan daripada cukai bagi meningkatkan penggunaan kad pintar pelbagai guna, katanya.

Juga, untuk menggalakkan penggunaan ICT dalam perdagangan serta mewujudkan lokasi perniagaan menarik bagi perdagangan antarabangsa, Dr Mahathir mencadangkan cukai bagi pendapatan diperolehi dari dagangan luar pesisir menerusi laman web di negara ini dipotong daripada 28 peratus kepada 10 peratus bagi tempoh lima tahun.

Pada masa yang sama, kos yang terlibat dalam pembangunan laman web akan diberikan potongan tahunan sebanyak 20 peratus bagi tempoh lima tahun, katanya.

Untuk mengurangkan bebanan kepada syarikat-syarikat tersenarai awam dengan keputusan kewangan yang tidak memuaskan atau dengan modal terbitan di bawah minimum, mereka akan diberikan lanjutan sehingga Disember 2002 untuk mematuhi keperluan penyenaaran.

Bagi membaiki kedudukan kewangan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah itu, beliau berkata keperluan bagi belian balik saham akan terus dilonggarkan.

Bagi menyediakan insentif kepada eksport, syarikat-syarikat dagangan Malaysia yang diluluskan sebagai syarikat dagangan antarabangsa akan diberikan pelepasan cukai pendapatan bersamaan dengan 10 peratus daripada peningkatan nilai eksport dan kriteria kelayakan seperti nilai perolehan jualan tahunan akan diliberalisasikan.

Syarikat-syarikat yang terlibat dalam eksport perkhidmatan diberikan pengecualian cukai yang ditingkatkan daripada 10 peratus kepada 50 peratus daripada peningkatan nilai eksport manakala penganjur pameran perdagangan antarabangsa yang melibatkan sekurang-kurangnya 500 pelawat asing setahun juga akan diberikan pelepasan cukai.

Bagi pelabur-pelabur, Dr Mahathir berkata said Bank Negara Malaysia akan menerbitkan Siri Ketiga Bon Simpanan Malaysia, terutamanya bagi warga yang berusia lebih 55 tahun dan organisasi kebajikan.

Juga, RM1 bilion akan diterbitkan dengan kadar pulangan 5.0 peratus di mana setengah daripadanya akan diterbitkan berasaskan kepada prinsip-prinsip Islam, katanya.

Bagi mempercepatkan penggantian import dalam sektor perkilangan, Perdana Menteri mencadangkan pengecualian cukai pendapatan kepada syarikat yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran, perkakasan mesin, mesin cucukan plastik, kelengkapan pengendalian material, robotik dan kelengkapan automasi kilang serta bahagian-bahagian dan komponen akan dinaikkan.

Dalam usaha untuk terus menggalakkan industri-industri dalam kegiatan perkilangan tokokan nilai tinggi seperti perkhidmatan logistik, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu dan juga pusat perkhidmatan utiliti, beliau mencadangkan pengecualian cukai pendapatan 70 peratus berbanding pendapatan berkanun bagi tempoh lima tahun.

Selain itu, terdapat pengecualian cukai 85 peratus berbanding pendapatan berkanun bagi tempoh lima tahun untuk projek-projek terletak di Koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Sebagai satu usaha berterusan untuk memperkenalkan dan menggalakkan jenama tempatan dalam pasaran antarabangsa, Dr Mahathir mencadangkan kos pengiklanan bagi jenama Malaysia yang telah didaftarkan di luar negara dan perbelanjaan ke atas yuran profesional kepada syarikat yang mempromosikan jenama Malaysia diberikan potongan cukai dua kali.

Untuk terus menggalakkan industri berasaskan getah, minyak sawit dan kayu kayan serta menggalakkan pelaburan besar dalam bahagian-bahagian ini, syarikat-syarikat yang melabur semula dalam pengeluaran produk berasaskan

sumber seperti itu akan diberikan pengecualian cukai pendapatan 70 peratus atau elaun cukai pelaburan 60 peratus bagi tempoh lima tahun.

Untuk mengukuhkan sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan, pelaburan semula yang diusahakan oleh syarikat-syarikat sedia ada akan diberikan pengecualian cukai pendapatan 100 peratus ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh lima tahun.

Bagi menggalakkan pengeluaran makanan secara besar-besaran untuk tujuan penggantian eksport dan import, elaun 100 peratus bagi perbelanjaan modal yang diberikan kepada penternakan udang, florikultur dan penanaman buah-buahan akan diteruskan kepada projek pertanian lain seperti sayur-sayuran, herba, ternakan ikan termasuk ikan hiasan, kerang dan tiram.

-- BERNAMA

MR SHY ZK